

# Tahap Pengetahuan Am dalam Kalangan Kakitangan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

*General Knowledge Level among  
National Land and Survey Institute (INSTUN) Staff*

Azfaizan Ahmad Sarkawi & Riduan Kateno

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Institut Tanah dan Ukur Negara,  
35950 Behrang Ulu, Perak D.R

e-mel: faizan@instun.gov.my

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan am dalam kalangan kakitangan INSTUN merangkumi kumpulan perkhidmatan profesional dan sokongan. Berdasarkan jumlah perjawatan yang diisi iaitu seramai 143 orang, sasaran responden dikenal pasti dan merupakan kakitangan berjawatan tetap yang bertugas di INSTUN. Kajian dilaksanakan dengan kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik *Google Form* yang dapat menjimatkan masa dan mengurangkan penggunaan kertas. Setelah selesai membuat soalan-soalan yang berkaitan, tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik *Google Form* dan pautan soal selidik dihebahkan kepada kakitangan INSTUN melalui saluran e-mel jabatan dengan perisian *Microsoft Office Outlook*. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan am dalam kalangan kakitangan INSTUN adalah tinggi. Kakitangan perempuan didapati mempunyai tahap pengetahuan am yang lebih tinggi berbanding lelaki secara keseluruhan. Berdasarkan tinjauan tahap pengetahuan am mengikut kategori bahagian perkhidmatan di dapati responden di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan mencatatkan kakitangan yang mempunyai pengetahuan am yang tinggi. Berdasarkan kajian ini, pihak INSTUN perlu mengambil langkah pro aktif untuk meningkatkan amalan membaca di kalangan kakitangannya. Pengetahuan am berhubung isu-isu semasa dan pengetahuan am yang lain harus dikuasai tanpa terikat dengan bidang pengkhususan masing-masing.

**Kata kunci:** Pengetahuan am, INSTUN, tahap pengetahuan, sumbangan kepada industri

## Abstract

This study aims to examine and determine the level of general knowledge among INSTUN staff, including professional and management officers and support group personnel. Based on the total 143 personnel, the target of the respondents was identified and narrowed to the permanent staffs. This population-based observational study was performed on data obtained from the survey method using the Google Form questionnaire, which saves time and greener. Upon completion of the relevant item questions, the Google Form questionnaire was disseminated to all INSTUN staff through the department's email channel with Microsoft Office Outlook software. The findings show that the level of general knowledge among INSTUN staff is high. Female employees are found to have a higher level of general knowledge than men overall. Based on a survey of general knowledge levels by divisions exposed by respondents in the Administration and Finance Division, it is noted that employees with high general knowledge. Based on this research, INSTUN has to take proactive steps to improve its reading practice among its staff. General knowledge of current issues and other general knowledge should be mastered without being tied to their respective fields of expertise.

**Keywords:** General knowledge, INSTUN, knowledge level, contribution to the industry

## Pengenalan

Di era globalisasi, masyarakat mudah untuk mencari dan mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Mereka dapat mencari pelbagai ilmu pengetahuan yang ada sama ada melalui pembelajaran di institusi-institusi pengajian mahupun menggunakan bantuan peranti-peranti elektronik seperti komputer, laptop dan telefon pintar ataupun melalui bahan bercetak seperti surat khabar, majalah dan jurnal. Namun begitu, di samping pelbagai cabang ilmu yang kita peroleh dalam bidang pengkhususan, pengetahuan am juga merupakan satu ilmu yang penting untuk kita miliki. Pengetahuan am amat penting bagi setiap orang tanpa mengira apa pangkatnya atau pekerjaannya.

Pengetahuan umum dapat didefinisikan sebagai pengetahuan yang bernilai mengenai topik tertentu seperti kepentingan sosial masyarakat, budaya, peradaban, masyarakat atau negara (Targetstudy, 2020). Dengan kata yang lebih mudah, pengetahuan am adalah pengetahuan tentang setiap aspek kehidupan manusia sama ada sosial, ekonomi, politik, sejarah, perubahan dan alam sekitarnya. Oleh itu, tidak salah untuk mengatakan bahawa pengetahuan am merangkumi hampir kesemua aspek kehidupan manusia. Hal ini kerana dengan pengetahuan am, kita tidak akan ketinggalan daripada mengetahui apa yang telah dan sedang berlaku di sekeliling kita. Menurut Hirsch (2020) pula, seseorang yang mempunyai pengetahuan am yang tinggi membolehkan mereka lebih kompeten dalam melakukan sesuatu tugas yang dilakukan dalam pekerjaan sehariannya. Oleh itu, satu kajian tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan dalam kalangan kakitangan Instituti Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) untuk mengetahui tahap pengetahuan am mereka terhadap perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

## Metodologi

Kajian ini hanya dilakukan di Institut Latihan Awam (ILA) iaitu INSTUN. Populasi bagi kajian ini merupakan kakitangan INSTUN dan sampel bagi kajian ini terdiri daripada 50 kakitangan INSTUN. Untuk melaksanakan kajian ke atas tahap pengetahuan am kakitangan INSTUN, pengkaji tidak menggunakan cara mengedarkan borang soal selidik sebaliknya menggunakan soal selidik dari *google form*.

Seramai 50 responden di INSTUN telah menjawab soal selidik yang dijalankan. Sampel kajian yang dipilih adalah secara rawak mudah. Soal selidik yang dijawab mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A yang melibatkan maklumat latar belakang responden. Seterusnya, Bahagian B pula berkaitan dengan soalan-soalan yang melibatkan pengetahuan am dan memerlukan

pengetahuan am dan memerlukan responden untuk berhati-hati ketika menjawab kerana terdapat beberapa soalan yang salah manakala Bahagian C pula berkaitan dengan pendirian dan persepsi responden.


Bagi tujuan analisis data, IBM SPSS Statistics 21 dan *Microsoft Office Excel* digunakan. Hasil analisis akan menunjukkan tahap pengetahuan am seluruh kakitangan INSTUN dengan pecahan maklumat berdasarkan jantina, bahagian-bahagian yang terdapat di INSTUN dan punca yang mempengaruhi tahap pengetahuan am kakitangan INSTUN.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

### Analisis Profail Responden

Responden yang menjawab soal selidik didominasi oleh perempuan dengan kekerapan sebanyak 29 orang responden (58%) manakala responden lelaki hanya 21 orang responden (42%). Sementara itu, responden dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah jumlah tertinggi iaitu 20 orang responden (40%). Diikuti dengan Bahagian Teknologi Maklumat sebanyak 22 peratus, Bahagian Ukur dan Pemetaan (16%), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (12%) dan dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (10%).

Profail responden seterusnya adalah umur. Julat umur responden yang paling banyak menjawab soal selidik adalah dari umur antara 31 hingga 40 tahun iaitu dengan kekerapan 31 responden (62%), diikuti dengan responden yang berumur antara 21 hingga 30 tahun dengan kekerapan 9 orang responden (18%). Seterusnya, sejumlah 6 orang responden (12%) menjawab soal selidik bagi umur 41 hingga 50 tahun, responden yang berumur lebih dari 50 tahun pula sebanyak 4 orang responden (8%).



Rajah 1. Tahap pendidikan responden

## Pengetahuan Am Responden

Pada bahagian ini, dibincangkan dapatan berkaitan dengan pengetahuan am responden tentang isu-isu semasa dan masa lalu sama ada dalam atau luar negara. Terdapat tiga pecahan jenis kenyataan yang perlu dipilih sama ada betul, kurang pasti atau salah. Kenyataan 1 hingga 5 merupakan kenyataan yang betul dan kenyataan 6 hingga 8 adalah kenyataan yang salah. Kenyataan pertama menyatakan bahawa Tun Hussien Bin Onn merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-3. Seramai 47 responden (97%) telah menjawab betul bagi kenyataan tersebut. Bagi yang menjawab kurang pasti hanya seorang responden (2%) diikuti dengan yang menjawab salah seramai 2 orang (4%).

Kenyataan kedua menyatakan bahawa perlembagaan Malaysia adalah kuasa yang tertinggi dalam pentadbiran negara. Hasil dari analisis ini, didapati seramai 37 responden (74%) menjawab betul diikuti dengan responden yang menjawab kurang pasti sebanyak 3 orang responden (6 %). Bagi yang menjawab salah pula seramai 10 orang responden (20%).

Kenyataan ketiga pula menyatakan bahawa gempa bumi dan tsunami yang telah berlaku di negara Jepun pada 11 Mac 2011 yang mengakibatkan kebocoran loji nuklear di Fushima Daiichi. Daripada 50 responden yang menjawab soal selidik ini, seramai 37 orang responden (74%) menjawab betul bagi kenyataan tersebut. Seterusnya, seramai 8 orang responden (16%) kurang pasti sama ada gempa bumi dan tsunami berlaku di Fushima Daiichi diikuti dengan responden yang menjawab salah bagi kenyataan tersebut sebanyak 5 orang responden (10%).

Kenyataan 4 menyatakan bahawa Terengganu merupakan negeri pengeluar petroleum terbesar di Semenanjung Malaysia. Bagi responden yang menjawab betul untuk kenyataan ini adalah seramai 35 orang responden (70%). Bagi yang kurang pasti adalah seramai 6 orang responden (12%) diikuti dengan jawapan responden yang menjawab salah seramai 9 orang responden (18%).

Kenyataan 5 menyatakan bahawa suhu badan normal manusia berada pada 37 darjah Celcius. Responden yang menjawab kenyataan ini dengan betul adalah seramai 31 orang responden (62%). Seterusnya, bagi responden yang menjawab kurang pasti bagi kenyataan tersebut seramai 4 orang responden (8%) diikuti dengan responden yang menjawab salah seramai 15 orang responden (30 %).

Kenyataan seterusnya merupakan kenyataan yang salah. Kenyataan 6 menyatakan bahawa tapak arkeologi Lembah Bujang terletak di Changlun, Kedah. Kenyataan ini salah kerana tapak arkeologi Lembah Bujang bukan terletak di Changlun tetapi di Merbok, Sungai Petani, Kedah. Seramai 14 responden (28%) menjawab betul bagi kenyataan tersebut. Bagi yang menjawab kurang pasti seramai 2 orang responden (4%) diikuti dengan yang menjawab salah bagi kenyataan tersebut seramai 34 orang responden (68%).

Kenyataan 7 menyatakan bahawa lautan Atlantik merupakan lautan terbesar di dunia. Kenyataan ini salah kerana lautan yang terbesar di dunia adalah lautan Pasifik. Seramai 12 orang responden (24%) menjawab betul bagi kenyataan ini. Seterusnya, yang menjawab kurang pasti untuk kenyataan ini adalah sebanyak 5 orang responden (10%) diikuti dengan yang menjawab salah bagi kenyataan ini adalah seramai 33 orang responden (66%).

Kenyataan 8 pula menyatakan bahawa negeri Kedah merupakan negeri yang berada paling utara di Malaysia. Kenyataan ini salah kerana Kedah bukan negeri yang paling utara tetapi Perlis. Bagi yang menjawab betul untuk kenyataan ini adalah sebanyak 4 orang responden (8%). Tiada responden yang menjawab kurang pasti untuk kenyataan ini. Majoriti responden menjawab salah untuk kenyataan ini seramai 46 responden (92%).

### **Perbandingan Pengetahuan Am Berdasarkan Jantina Dalam Kalangan Responden**


Bagi Kenyataan 1, responden lelaki yang menjawab betul sebanyak 19 orang responden (38%), diikuti dengan yang menjawab kurang pasti hanya seorang responden (2%) manakala yang menjawab salah juga adalah seorang (2%). Sementara itu, bagi responden perempuan pula yang menjawab betul dengan kekerapan 28 orang responden (56%). Tiada responden yang menjawab kurang pasti manakala yang menjawab salah iaitu seorang (2%).

Seterusnya bagi Kenyataan 2 pula, sebanyak 17 orang responden menjawab betul (34%), diikuti seorang responden lelaki yang menjawab kurang pasti untuk kenyataan tersebut (2%) manakala bagi yang menjawab salah adalah seramai 3 orang responden (6%). Bagi responden perempuan pula, sebanyak 20 responden perempuan menjawab betul (40%), diikuti dengan 2 orang responden yang menjawab kurang pasti (4%) manakala yang menjawab salah adalah 7 orang responden (14%).

Bagi Kenyataan 3 iaitu gempa bumi dan tsunami yang telah berlaku di negara Jepun pada 11 Mac 2011 yang mengakibatkan kebocoran loji nuklear di Fushima Daiichi. Didapati seramai 17 orang responden lelaki menjawab kenyataan ini dengan betul (34%), diikuti dengan 3 orang responden (6%) yang menjawab kurang pasti manakala yang menjawab salah untuk kenyataan adalah seorang (2%). Bagi responden perempuan pula, seramai 20 orang responden perempuan menjawab betul (34%) diikuti dengan yang menjawab kurang pasti iaitu 3 orang responden (6%) manakala seorang (2%) menjawab salah.

Analisis seterusnya berkaitan dengan Kenyataan 4 yang menunjukkan seramai 19 orang responden lelaki (38%) menjawab betul. Tiada responden yang menjawab kurang pasti manakala yang menjawab salah sebanyak 2 orang responden (4%). Sementara itu, seramai 16 orang responden perempuan menjawab betul kenyataan ini (32%), diikuti dengan yang menjawab kurang pasti sebanyak 6 orang responden (12%), manakala yang menjawab salah sebanyak 7 orang responden (14%).

Kenyataan 5 pula menunjukkan responden lelaki menjawab betul bagi kenyataan ini seramai 14 orang responden (28%), diikuti dengan 4 orang responden (8%) yang menjawab kurang pasti manakala yang menjawab salah iaitu 3 orang responden (6%). Bagi responden perempuan pula sebanyak 17 orang responden menjawab betul (34%), namun tiada yang menjawab kurang pasti untuk kenyataan ini manakala yang menjawab salah seramai 12 orang responden (24%). Bagi Kenyataan 6 hingga 8 iaitu bagi kenyataan yang salah diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



**Rajah 2.** Perbandingan kenyataan yang salah di antara responden lelaki dan perempuan



## **Analisis Pengetahuan Am Mengikut Bahagian di INSTUN**

Analisis seterusnya adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan am dalam kalangan responden mengikut bahagian atau jabatan di INSTUN. Berdasarkan Jadual 1, untuk kenyataan pertama dimana Tun Hussien Bin Onn merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-3, majoriti bahagian yang menjawab betul untuk kenyataan tersebut adalah dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan iaitu sebanyak 18 orang responden (36%), diikuti dengan Bahagian Teknologi Maklumat sebanyak 11 orang responden (22%). Seterusnya, Bahagian Ukur dan Pemetaan menjawab kenyataan betul tersebut sebanyak 8 orang responden (16%). Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah serta Bahagian Teknologi Maklumat menjawab betul bagi kenyataan tersebut masing-masing 5 orang responden (10%).

Seterusnya, untuk kenyataan perlembagaan Malaysia adalah kuasa yang tertinggi dalam pentadbiran negara, bahagian yang paling banyak menjawab betul adalah dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan iaitu sebanyak 16 orang responden (32%), diikuti dengan Bahagian Teknologi Maklumat iaitu seramai 9 orang responden (18%). Untuk Bahagian Ukur dan Pemetaan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan serta Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah masing-masing memberi jawapan kepada kenyataan tersebut sebanyak 5, 4 dan 3 orang responden.

Bagi kenyataan gempa bumi dan tsunami yang telah berlaku di negara Jepun pada 11 Mac 2011 yang mengakibatkan kebocoran loji nuklear di Fukushima Daiichi, bahagian yang majoriti menjawab betul turut didominasi oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan iaitu sebanyak 12 responden (24%). Bahagian Teknologi Maklumat menjawab betul dengan jumlah 10 orang responden (20%), diikuti dengan Bahagian Ukur dan Pemetaan sebanyak 6 orang responden (12%). Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan menjawab dengan betul sebanyak 5 orang responden (10%), diikuti Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah sebanyak 4 orang responden (8%).

Di samping itu, untuk kenyataan Terengganu merupakan negeri pengeluar petroleum terbesar di Semenanjung Malaysia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan menjawab betul sebanyak 13 orang responden (26%), diikuti Bahagian Teknologi Maklumat sebanyak 7 orang responden (14%). Kemudiannya, Bahagian Ukur dan Pemetaan menjawab betul sebanyak 6 orang responden (12%), diikuti Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah iaitu sebanyak 5 orang responden (10%) dan akhir sekali Bahagian Penyelidikan dan



Pembangunan dengan respondennya menjawab betul sebanyak 4 orang responden (8%).

Kenyataan betul yang terakhir iaitu suhu badan normal manusia berada pada 37 darjah Celcius mendapat jawapan betul yang banyak dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan iaitu 10 orang responden (20%), diikuti dengan Bahagian Teknologi Maklumat sebanyak 7 orang responden (14%). Kemudiannya, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah serta Bahagian Ukur dan Pemetaan masing-masing menjawab betul dengan 5 orang responden (10%). Akhir sekali, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan menjawab betul kenyataan ini sebanyak 4 orang responden (8%). Sementara itu, bagi Kenyataan 6, 7 dan 8 iaitu kenyataan yang salah ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Jawapan responden untuk kenyataan-kenyataan yang salah mengikut Bahagian di INSTUN

Kenyataan	Bahagian	Jawapan Responden					
		Betul		Kurang Pasti		Salah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
6	Pentadbiran dan Kewangan	6	12	2	4	12	24
	Pengurusan dan Perundangan Tanah	1	2	0	0	4	8
	Ukur dan Pemetaan	3	6	0	0	5	10
	Penyelidikan dan Pembangunan	6	12	0	0	0	0
	Teknologi Maklumat	4	8	0	0	7	14
7	Pentadbiran dan Kewangan	5	10	5	10	10	20
	Pengurusan dan Perundangan Tanah	2	4	0	0	3	6
	Ukur dan Pemetaan	2	4	0	0	6	12
	Penyelidikan dan Pembangunan	1	2	0	0	5	10
	Teknologi Maklumat	2	4	0	0	9	18
8	Pentadbiran dan Kewangan	3	6	0	0	17	34
	Pengurusan dan Perundangan Tanah	0	0	0	0	5	10
	Ukur dan Pemetaan	0	0	0	0	8	16
	Penyelidikan dan Pembangunan	0	0	0	0	6	12
	Teknologi Maklumat	1	2	0	0	10	20

## Analisis Perhubungan Pemboleh Ubah dan Pilihan Item

Dalam kajian ini, dapatan ujian taburan silang ini menggunakan ujian Khi kuasa dua bagi menentukan keberkaitan antara (i) jantina dengan pegawai yang berfikir bahawa mereka hanya perlu menitikberatkan pekerjaan mereka berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana, (ii) bahagian pentadbiran dengan mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran dengan tahap setiap pemboleh ubah, dan (iii) bahagian pentadbiran dengan saya tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana.

Bagi analisis yang pertama, dapatan di Jadual 2, ujian silang antara jantina dan pilihan jawapan responden menitikberatkan pekerjaan saya berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana. Hipotesis yang digunakan dalam kajian ini adalah  $H_0$ : Jantina tidak mempengaruhi pegawai yang berfikir bahawa mereka hanya perlu menitikberatkan pekerjaan mereka berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana. Berdasarkan Jadual 3 nilai ujian untuk analisis ini adalah 2.643. Jika dibandingkan dengan nilai kritikal iaitu 4.605, nilai ujian lebih kecil dari nilai kritikal.

Oleh itu, hipotesis null tidak boleh ditolak. Kesimpulannya, terdapat cukup bukti untuk menyatakan bahawa jantina tidak mempengaruhi pegawai yang berfikir bahawa mereka hanya perlu menitikberatkan pekerjaan mereka berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana.

**Jadual 2.** Ujian silang jantina dan item menitikberatkan pekerjaan berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana

Jantina	Menitikberatkan pekerjaan saya berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana						N	%
	Tidak Pernah		Jarang		Kerap			
	N	%	N	%	N	%		
Lelaki	12	10.1	7	9.7	2	1.3	21	21.0
Perempuan	12	13.9	16	13.3	1	1.7	29	29.0
Jumlah	24	24.0	23	23.0	3	3.0	50	50.0

**Jadual 3.** Ujian Chi-Square

<b>Chi-Square Tests</b>			
	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	2.643 <sup>a</sup>	2	.267
Likelihood Ratio	2.672	2	.263
Linear-by-Linear Association	.308	1	.579
N of Valid Cases	50		
2 cells (33.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.26.			

Analisis kedua dijalankan untuk mengetahui sama ada bahagian-bahagian di INSTUN mempengaruhi pegawai yang akan mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran mereka. Dapatan ujian silang adalah di Jadual 4. Analisis ini diuji dengan  $\alpha = 0.10$ . Hipotesis  $H_0$  : Bahagian-bahagian tidak mempengaruhi pegawai yang akan mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran mereka. Ujian untuk analisis ini adalah 3.052. Jika dibandingkan dengan nilai kritikal iaitu 13.362, nilai ujian lebih kecil dari nilai kritikal. Oleh itu, hipotesis null tidak boleh ditolak. Terdapat cukup bukti untuk menyatakan bahawa bahagian-bahagian tidak mempengaruhi pegawai yang akan mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran mereka. Berdasarkan Jadual 5, nilai ujian untuk analisis ini adalah 3.790. Jika dibandingkan dengan nilai kritikal iaitu 13.362, nilai ujian lebih kecil dari nilai kritikal. Oleh itu, hipotesis null tidak boleh ditolak.

**Jadual 4.** Ujian silang mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran saya

Bahagian	Mencari bahan-bahan bacaan untuk mengetahui apa yang berlaku di persekitaran saya						N	%
	Tidak Pernah		Jarang		Kerap			
	N	%	N	%				
Pentadbiran dan Kewangan	1	0.4	9	8.0	10	11.6	20	20
Pengurusan dan Perundangan Tanah	0	0.0	1	2.0	4	2.9	5	5.0
Ukur dan Pemetaan	0	0.0	3	3.2	5	4.6	8	8.0
Penyelidikan dan Pembangunan	0	0.0	2	2.4	4	3.5	6	6.0
Teknologi Maklumat	0	0.0	5	4.4	6	6.4	11	11.0
Jumlah	1	1.0	20	20.0	29	29.0	50	50.0

**Jadual 5.** Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	3.052 <sup>a</sup>	8	.931
Likelihood Ratio	3.457	8	.903
Linear-by-Linear Association	.328	1	.567
N of Valid Cases	50		
a. 12 cells (80.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .10.			

Analisis ketiga dijalankan untuk meneliti bahagian di tempat responden bertugas dan pernyataan saya tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana. Jadual 6 menunjukkan dapatan ujian silang. Seterusnya ujian chi square di Jadual 7 dan analisis ini diuji dengan  $\alpha = 0.10$ . Hipotesis kajian H0: Bahagian-bahagian tidak mempengaruhi pegawai yang tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana.

Berdasarkan Jadual 7, nilai ujian untuk analisis ini adalah 3.790. Jika dibandingkan dengan nilai kritikal iaitu 13.362, nilai ujian lebih kecil dari nilai kritikal. Oleh itu, hipotesis null tidak boleh ditolak. Terdapat cukup bukti untuk menyatakan bahawa bahagian-bahagian tidak mempengaruhi pegawai yang tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana.

**Jadual 6.** Ujian silang saya tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana

Bahagian	Saya tidak kisah apa yang sedang berlaku di luar sana						N	%
	Tidak Pernah		Jarang		Kerap			
	N	%	N	%				
Pentadbiran dan Kewangan	12	12.8	7	6.8	1	0.4	20	20.0
Pengurusan dan Perundangan Tanah	4	3.2	1	1.7	0	0.0	5	5.0
Ukur dan Pemetaan	4	5.1	4	2.7	0	0.2	8	8.0
Penyelidikan dan Pembangunan	5	3.8	1	2.0	0	0.1	6	6.0
Teknologi Maklumat	7	7.0	4	3.7	0	0	6	6.0
Jumlah	1	1.0	20	20.0	29	29.0	50	50.0

**Jadual 7.** Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	3.790 <sup>a</sup>	8	.876
Likelihood Ratio	4.195	8	.839
Linear-by-Linear Association	.345	1	.557
N of Valid Cases	50		
a. 11 cells (73.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .10.			

## **Kesimpulan**

Hasil analisis kajian ini dapat disimpulkan beberapa perkara untuk diberi perhatian antaranya; (i) kesemua kakitangan di INSTUN mempunyai tahap pengetahuan am yang tinggi kerana melalui analisis yang telah dibuat, lebih daripada separuh responden telah menjawab kenyataan-kenyataan dengan betul mengikut pecahan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, melalui analisis untuk Kenyataan 1, Kenyataan 2, Kenyataan 3, Kenyataan 5, Kenyataan 6, Kenyataan 7 dan Kenyataan 8 mendapati tahap pengetahuan am kakitangan lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan kakitangan perempuan di INSTUN. Namun melalui Kenyataan 4 iaitu Terengganu merupakan negeri pengeluar petroleum terbesar di Semenanjung Malaysia analisis mendapati tahap pengetahuan am kakitangan perempuan lebih rendah berbanding kakitangan lelaki.

Selain itu, kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan mempunyai tahap pengetahuan am yang tertinggi. Kakitangan di Bahagian Teknologi Maklumat mempunyai tahap pengetahuan yang agak tinggi diikuti dengan kakitangan di Bahagian Ukur dan Pemetaan. Seterusnya, kakitangan di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan mempunyai tahap yang sederhana dan akhir sekali Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah mempunyai tahap pengetahuan am yang rendah. Melalui analisis menggunakan perisian SPSS, punca yang mempengaruhi tingginya tahap pengetahuan am kakitangan INSTUN ini adalah pegawai-pegawai mengambil tahu isu-isu semasa yang berlaku sekarang ini dan/atau sebelum-sebelum ini.

## Rujukan

- Babbie, E. (2010). *The practice of social research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Hirsch, E. D. (2020). *Why general knowledge should be a goal of education in democracy*. Diperoleh daripada [https://www.improvek-12education.org/userfiles/files/08-20-10%20Knowledge%20Goal%20of%20Education%20in%20Democracy%20\(74\).pdf](https://www.improvek-12education.org/userfiles/files/08-20-10%20Knowledge%20Goal%20of%20Education%20in%20Democracy%20(74).pdf)
- Institut Tanah & Ukur Negara. (2018). *Kompendium data & maklumat asas INSTUN 2018*. Behrang Ulu: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Institusi Tanah & Ukur Negara. (2017). *Laporan kajian impak & program latihan INSTUN (2014-2016)*. Behrang Ulu: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Institut Tanah & Ukur Negara. (2015). *Pelan strategik INSTUN 2015-2017*. Behrang Ulu: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Targetstudy. (2020). *Important of general knowledge in life*. Diperoleh daripada <https://targetstudy.com/articles/importance-of-general-knowledge-in-life.html>



